




TADBIR URUS PELAKSANAAN

Dalam membawa Bandaraya Kuala Terengganu mencapai matlamat dan sasaran sebagai sebuah Bandaraya Pintar Warisan Pesisir Air 2030, suatu struktur tadbir urus yang lengkap dan praktikal perlu dibentuk. Kerangka tadbir urus perlulah merangkumi kesemua pemegang taruh yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan bandar pintar. Pelan Tindakan Bandar Pintar Warisan Pesisir Air 2030 akan dipantau oleh Jawatankuasa Bandar Pintar dengan Unit Bandar Pintar bertindak sebagai urus setia.

6.1 PENUBUHAN UNIT BANDAR PINTAR


Bagi memastikan komitmen dan sasaran MBKT untuk mencapai tahap penarafan bandar pintar sebagai *Developing Smart City* pada tahun 2030, adalah penting untuk ditubuhkan satu unit bandar pintar dalam tadbir urus jabatan. Penubuhan unit ini juga merupakan salah satu daripada empat (4) kriteria utama bagi PBT untuk mendapatkan penarafan bandar pintar. Dalam tadbir urus semasa MBKT, unit yang mempunyai kaitan dengan bandar pintar telah pun ditubuhkan dengan nama Unit Lestari yang berada dibawah Jabatan Perancangan Bandar. Untuk itu, unit ini akan dijenamakan semula dengan nama **Unit Bandar Pintar dan Mampan** dan diperkasakan keanggotaannya. Dengan wujudnya Unit Bandar Pintar dan Mampan, pelaksanaan projek / program pintar dapat berjalan sebagaimana dirancang dan dipantau progress dari semasa ke semasa.



* Dan lain-lain jabatan / agensi yang terlibat dari semasa ke semasa.

Jadual 6.1.1: Carta Jawatankuasa Penubuhan Pelan Tindakan Bandar Pintar MBKT

6.2 TUJUAN PENUBUHAN UNIT BANDAR PINTAR



6.3 JAWATANKUASA BANDAR PINTAR

Jawatankuasa bandar pintar bertindak sebagai badan pemantau agenda pembangunan bandar pintar di MBKT. Jawatankuasa ini akan menyelaras dan memantau projek, program dan inisiatif bandar pintar dan mampan dalam rancangan pemajuan dan pelan tindakan.

Jawatankuasa bandar pintar juga berperanan untuk mempertimbang dan meluluskan cadangan projek, program dan inisiatif bandar pintar dan mampan. Ianya juga akan mempertimbang dan meluluskan dasar-dasar, garis panduan, kajian rancangan pemajuan, dan kajian fizikal bandar pintar.

Keahlian jawatankuasa bandar pintar yang pelbagai akan membentuk satu platform perkongsian idea, inovasi dan peluang kerjasama awam dan swasta di dalam mencari penyelesaian yang sistematik dan pintar terhadap cabaran perbandaran.

Jawatankuasa Bandar Pintar Bandaraya Kuala Terengganu	
Pengerusi	Datuk Bandar
Urus setia	Unit Bandar Pintar
Senarai keahlian	Ahli Dalam Bahagian Teknologi Maklumat Jabatan Perancangan Bandar Jabatan Bangunan dan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan dan Infrastruktur Awam, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kesihatan Persekitaran (Bhg. Pelesenan) Ahli Luaran PlanMalaysia, Unit Perancang Ekonomi (UPEN) SUK (Kerajaan Tempatan), SKMM, BTM JKR JPS TAJDID
Mesyuarat	Mesyuarat akan diadakan minimum 4 kali setahun.

* Dan lain-lain jabatan / agensi yang terlibat dari semasa ke semasa.

Jadual 6.3.1: Senarai keahlian Jawatankuasa Bandar Pintar MBKT